



**TIMBALAN KETUA PENGARAH
PERKHIDMATAN AWAM (PEMBANGUNAN)
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 03-88853002
Faks : 03-88892639
E-mel : farida@jpa.gov.my
Web : http://www.jpa.gov.my



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO. SUJIL : MY-AR : 4697

Ruj.Kami : JPA.BK(S)223/8/2-3 Jld.4(31)
Tarikh : 16 Ogos 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan/Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

Tuan,

**KEPENTINGAN MELINDUNGI MAKLUMAT RAHSIA DAN
TERPERINGKAT KERAJAAN**



Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan sedia maklum, penjawat awam hendaklah menjalankan tugas yang diamanahkan berdasarkan kuasa rasmi yang diperuntukkan kepadanya dan menguruskan maklumat Kerajaan dengan penuh berhemah dan bijaksana. Untuk menjamin kewibawaan penjawat awam dalam perkara ini, Kerajaan telah mengeluarkan beberapa akta, pekeliling dan peraturan yang perlu dipatuhi seperti berikut:

- i) Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88);
- ii) Arahan Keselamatan Kerajaan;
- iii) Surat Pekeliling Am Bil. 2/87 - Peraturan Pengurusan Rahsia Rasmi selaras dengan Peruntukan-Peruntukan Akta Rahsia Rasmi (Pindaan 1986);

- iv) Surat Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1972 - Keselamatan Rahsia-Rahsia Kerajaan Daripada Ancaman Penyuluhan Pengintipan;
- v) Buku Arahan Keselamatan - Perkara 42-60 - Pengurusan Dokumen Terperingkat, Peringkat Keselamatan, Tanda Keselamatan dan Penyimpanan Perkara-Perkara Berperingkat;
- vi) Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1985 - Pernyataan Awam oleh Pegawai-Pegawai Awam;
- vii) Surat Edaran Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia KPKK(R)100-1/5/4(3) bertajuk "Memperkukuh Kawalan Keselamatan Perlindungan Bagi Mencegah Kebocoran Dan Pendedahan Maklumat Rahsia Rasmi Kerajaan" bertarikh 27 Jun 2012; dan
- viii) Sebarang peraturan yang berkuatkuasa.

3. Mana-mana pegawai yang didapati membocorkan maklumat atau dokumen terperingkat Kerajaan adalah disifatkan telah melanggar peraturan 4(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] seperti berikut:

"4. (1) Seseorang pegawai hendaklah pada setiap masa memberikan taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan."

Pelanggaran peraturan berkenaan boleh menyebabkan penjawat awam dikenakan tindakan tatatertib dengan hukuman sehingga buang kerja.

4. Oleh yang demikian, Jabatan ini ingin menyarankan kepada tuan selaku Ketua Jabatan dan Penyelia supaya memastikan pegawai-pegawai di bawah seliaan tuan sentiasa mematuhi peraturan-peraturan seperti yang digariskan di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan melaksanakan pemantauan secara berterusan.

5. Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATUK FARIDA BINTI MOHD ALI)
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
MALAYSIA

s.k.

- YBhg. Dato' TKPPA (O)